# MAKLUMAN
# PENGUATKUASAAN ETIKA BERPAKAIAN PELAJAR UUM




Dengan Segala hormatnya, perkara di atas adalah dirujuk.

Sukacita dimaklumkan, Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (HEPA) telah mengeluarkan garis panduan berpakaian untuk mahasiswa/i UUM (meliputi pelajar Postgrad dan Antarabangsa) sebagaimana yang telah dinyatakan dalam Buku Direktori Siswa UUM (2012/2013).

Oleh itu, kerjasama dan keperihatinan dari YBhg. Dato', Prof/Prof. Madya/Dr./Tuan/Puan adalah dipohon untuk memastikan penguatkuasaan dapat dipatuhi di seluruh kawasan universiti meliputi di PTJ dan pejabat di dalam UUM.

Sehubungan dengan itu, adalah dimaklumkan bahawa menurut Kaedah-kaedah Universiti Utara Malaysia (Tatatertib Pelajar), 1999, AUKU 1971, para pensyarah dan kakitangan universiti adalah layak untuk menguatkuasakan peraturan, menegur dan mengambil tindakan dengan cara tidak melayan dan memberi sebarang perkhidmatan sekiranya seseorang pelajar gagal mematuhi peraturan etika pakaian UUM.

Kami dengan sekali lagi memohon kerjasama dari pihak Y. Bhg. Dato',Prof./ Dr./ Tuan, dapat melaksanakan penguatkuasaan tersebut.

Kerjasama dan tindakan daripada pihak Y. Bhg. Dato', Prof./Dr./Tuan/Puan, amat dihargai dan didahulukan dengan ucapan ribuan terima kasih. Sebarang maklumat lanjut sila hubungi saya melalui email amyazhar@uum.edu.my.

Sekian, terima kasih.
**"ILMU, BUDI, BAKTI"**

Saya yang menurut perintah

..................tt...................

**PROF. MADYA DR. HAJI MOHD AMY AZHAR BIN HAJI MOHD HARIF**
Pengarah/Dekan
Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni

Daripada
NUR AFIQAH ABU BAKAR
Asst. Director
Student Services Division
Student Affairs Department & Alumni
UUM Sintok Kedah.